



## CARA UNTUK MENYERTAII?

1. Imbas kod QR di bawah.
2. Semak ujian klinikal KAMI YANG SEDANG BERJALAN, dan lihat sama ada mana-mana ujian tersebut berkaitan dengan keadaan perubatan anda.
3. Rujuk kepada doktor yang berkaitan untuk mengetahui sama ada anda layak untuk penyertaan. Jika layak, anda mungkin akan didaftarkan dalam ujian tersebut.

Menyertai ujian klinikal adalah keputusan peribadi yang penting. Anda tidak seharusnya berasa tertekan untuk membuat keputusan. Penyertaan dalam ujian klinikal adalah secara sukarela – ia adalah pilihan anda. Jika anda memilih untuk menyertai ujian tersebut, anda perlu menandatangani dokumen persetujuan termaklum. Anda bebas untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa. Menolak penyertaan atau menarik diri daripada kajian tidak akan menjejaskan akses anda kepada penjagaan, rawatan atau perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan kajian ini.



IMBAS  
DI SINI



## Waktu Operasi

Isnin hingga Jumaat : 8:30am - 5:30pm  
Sabtu : 8:30am - 12:30pm  
(Tutup pada Ahad dan Cuti Umum)  
Lokasi : Clinical research Centre

## Hubungi Untuk Maklumat Lanjut

Tel : +6010-240 8344  
Email : [crc@mahkotamedical.com](mailto:crc@mahkotamedical.com)  
Penyelaras : Justin Liu Jun Fong ([justin.liu@mahkotamedical.com](mailto:justin.liu@mahkotamedical.com))  
Siti Zawiyah Ismail ([siti.zawiyah@mahkotamedical.com](mailto:siti.zawiyah@mahkotamedical.com))

**Mahkota Medical Centre Sdn. Bhd.** 199001009048(200619-H)  
3, Mahkota Melaka, Jalan Merdeka, 75000 Melaka.  
Tel: +606 285 2999 Fax: +606 281 0560  
Email: [info@mahkotamedical.com](mailto:info@mahkotamedical.com)

[www.mahkotamedical.com](http://www.mahkotamedical.com)

Hands That Treat  
Hearts That Heal



# PENYELIDIKAN KLINIKAL



## PENYELIDIKAN KLINIKAL DI MAHKOTA MEDICAL CENTRE



### VISI

Menjadi pusat rujukan penyelidikan klinikal yang dipercayai di dalam dan di luar hospital kami.



### MISI

Menyertai penyelidikan klinikal sebagai komitmen kami terhadap kemajuan dalam bidang sains.



### OBJEKTIF

Melaksanakan penyelidikan klinikal yang beretika dan boleh dipercayai selaras dengan piawaian antarabangsa dan tempatan.



### APA ITU UJIAN KLINIKAL?

- Jenis penyelidikan yang melibatkan sekumpulan sukarelawan untuk mengkaji ujian dan rawatan baharu (contohnya: vaksin, peranti perubatan, ubat-ubatan) bagi menilai keselamatan dan kesannya terhadap kesihatan manusia.
- Kajian ini ditaja oleh syarikat swasta seperti syarikat farmaseutikal atau agensi kerajaan.
- Pusat Penyelidikan Klinikal Mahkota (CRC) ditubuhkan untuk menggalakkan penyelidikan yang beretika dan boleh dipercayai mengikut piawaian Good Clinical Practice (GCP) yang mematuhi standard antarabangsa dan tempatan.
- Peranan kami adalah untuk memastikan setiap pesakit yang menyertai kajian klinikal menerima penjagaan yang selamat, menyeluruh dan berkualiti tinggi sepanjang tempoh penyertaan mereka.

### BAGAIMANA HAK SAYA DILINDUNGI?

- MMC melindungi hak pesakit yang menyertai program ujian klinikal dengan mematuhi protokol yang telah ditetapkan.
- Ia memastikan kajian dijalankan dengan cara yang teratur, selamat dan beretika. Setiap ujian klinikal perlu mematuhi undang-undang, peraturan serta prosedur keselamatan yang ketat.
- Protokol merangkumi:
  - Objektif kajian
  - Kelayakan penyertaan
  - Maklumat tentang ujian, prosedur dan pelan rawatan
  - Tempoh kajian
  - Faktor risiko



### APA ITU PENYELIDIKAN KLINIKAL?

- Penyelidikan klinikal merujuk kepada sebarang penyiasatan sistematik yang melibatkan individu sebagai peserta kajian dengan tujuan untuk membangunkan atau menyumbang kepada pengetahuan umum berkaitan kesihatan, penyakit, atau intervensi perubatan. Ini termasuk kajian tentang keselamatan, keberkesanan, diagnosis, pencegahan, dan rawatan penyakit melalui pengumpulan data klinikal, tingkah laku, atau bioperubatan.



### ADAKAH SAYA LAYAK?

- Kriteria kelayakan biasanya merangkumi faktor seperti umur, jantina, sejarah perubatan, dan tahap kesihatan semasa.
- Untuk menyertai kajian, pesakit perlu mempunyai keadaan kesihatan tertentu yang memenuhi kriteria kemasukan kajian tersebut.

### KELEBIHAN DAN RISIKO UJIAN KLINIKAL

Sama seperti rawatan lain, penyertaan dalam ujian klinikal mempunyai kelebihan dan juga beberapa risiko yang perlu difahami.

#### • Kelebihan yang Mungkin Diperoleh:

- Rawatan baharu mungkin lebih berkesan berbanding rawatan standard.
- Rawatan ini mungkin hanya boleh diakses melalui ujian klinikal.
- Hasil kajian boleh menyumbang kepada kemajuan penyelidikan dan membantu pesakit pada masa hadapan.
- Pemantauan rapi oleh pasukan perubatan yang berpengalaman.
- Kos rawatan ditanggung sepenuhnya oleh penaja ujian

#### • Risiko yang Mungkin Dihadapi:

- Rawatan baharu mungkin tidak memberikan hasil yang lebih baik berbanding rawatan standard.
- Rawatan tersebut mungkin tidak berkesan untuk anda, walaupun berkesan untuk pesakit lain.
- Kesan sampingan yang diketahui dan tidak diketahui mungkin berlaku.